

TARIKH: 7/4/23

SURAT KHABAR: SINAR HARIAN

MUKA SURAT: 25

## Kerjasama Perkeso-Jabatan Penjara beri peluang pekerjaan kepada bekas banduan

**KUALA LUMPUR** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) pada Khamis memeterai Nota Kolaborasi (NoC) dalam usaha memperluaskan peluang kerjaya, meningkatkan kemahiran serta menyediakan perlindungan sosial kepada Orang Diparol (ODP), Orang Diselia (ODS) dan Orang Bebas Berlesen (OBB).

Pada majlis tersebut, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed mewakili Perkeso dan Jabatan Penjara oleh Komisioner Jeneral Penjara, Datuk Nordin Muhamad, yang turut disaksikan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar.

Menurut Sivakumar, pemeteraian NoC antara dua badan itu mempunyai implikasi positif dalam memberi peluang kedua kepada bekas banduan, sekali gus membantu mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu selepas keluar dari penjara atau Sekolah Henry Gurney.

"Diharap semua majikan di negara ini memberikan peluang kepada golongan berkenaan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada termasuklah jawatan yang

kebiasaannya diisi oleh pekerja asing.

"Saya yakin usaha tersebut dapat direalisasikan sekiranya kelulusan untuk permohonan pekerja asing yang diberikan dengan mensyaratkan majikan mengambil golongan ini.

"Harapan saya agar inisiatif atau usaha untuk menggaji golongan banduan dan bekas banduan ini dapat diutamakan sebelum membuka peluang tersebut kepada pekerja asing," katanya dalam ucapan pada majlis tersebut.

Sementara itu Nordin menyatakan cabaran dihadapi pihaknya adalah kemasukan semula pekerja asing yang mengakibatkan syarikat-syarikat mula menarik diri daripada program Corporate Smart Internship (CSI), yang memberi kesan terhadap penawaran pekerjaan kepada golongan tersebut.

"Oleh itu, saya mewakili Jabatan Penjara Malaysia amat berharap ihsan dan sokongan Menteri Sumber Manusia untuk meletakkan syarat atau polisi sejumlah kuota pengambilan pekerja oleh pihak majikan daripada kalangan golongan bekas banduan dalam negara kita," ujar beliau.